

14 November 2022

Tindakan Greenpeace membawa fokus kepada keperluan untuk pendirian iklim yang kukuh di kalangan pemimpin akan datang

Kuala Lumpur, Malaysia - Awal hari ini, sukarelawan dari Greenpeace Malaysia menyampaikan mesej penting kepada pemimpin masa depan negara dengan membentangkan sepanduk 30m x 30m yang memupuk kalangan orang ramai untuk, "Undi Iklim" atau "Vote4Climate" di Dataran Merdeka yang bersejarah. Sebagai rayuan saat akhir sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), aktivis-aktivis berharap dapat menggalakkan pengundi memilih calon yang akan mengutamakan agenda iklim, terutamanya kerana saintis-saintis terkemuka dunia berkata kita mempunyai masa kurang daripada satu dekad lagi untuk mengelakkan kesan perubahan iklim yang lebih teruk.

Greenpeace memerhatikan bahawa perlindungan alam sekitar di Malaysia masih kurang memberangsangkan [1]. Menurut penemuan penyelidikan kami berdasarkan senarai pernyata rasmi Hansard parlimen [2] sepanjang empat tahun kebelakangan ini sejak tahun 2018, wakil daripada semua parti politik hampir tidak menyentuh tentang isu alam sekitar. Daripada 19,401 soalan di parlimen, hanya 8.4% (1,634) kata kunci berkaitan alam sekitar telah diutarakan. Istilah 'perubahan iklim' atau 'climate change' hanya dibincangkan kurang daripada 0.3% (55) kali. 'Banjir' atau 'flood' merupakan kata kunci ketiga paling banyak disebut dalam penemuan kami, dengan 350 soalan yang menyebut istilah 'banjir' telah dibangkitkan oleh ahli parlimen. Tambahan pula, ianya sesuatu yang membimbangkan bahawa isu banjir jarang dikaitkan dengan perubahan iklim. Daripada 350 soalan yang menyebut tentang 'banjir', hanya 16 (4.6%) yang menyebutnya bersama dengan 'perubahan iklim'.

Nur Sakeenah Omar, Juru Kempen Penglibatan Awam Greenpeace Malaysia berkata:

"Fokus pilihan raya pada kali ini telah menimbulkan berita lama mengenai wakil dan pengkhianatan parti sedangkan ia sepatutnya mengenai wakil-wakil yang dicalonkan menonjolkan isu-isu dalam menghadapi krisis iklim. Adakah rakyat akan dikhianati dengan berpolitik semata-mata dan bukannya atas dasar alam sekitar kukuh yang mengutamakan kesihatan dan keselamatan kita?

"Krisis iklim yang terus menerus menjaskan bahagian paling terdedah di rantau ini dan juga penduduknya melalui ribut taufan, banjir dan gelombang haba yang melampau, telah melenyapkan pilihan kita untuk berkembang maju dan membawa kita semua ke dalam permulaan mod kelangsungan hidup. Bagaimanapun, sebagai pengundi, kita mempunyai

kuasa untuk mengubahnya dengan membuat keputusan termaklum untuk mengundi ke arah tindakan iklim.”

Tindakan Greenpeace itu berlaku ketika wakil dari Malaysia, yang juga delegasi terbesarnya setakat ini, kini berada di Persidangan Parti Iklim PBB (COP27) di Sharm El-Sheikh, Mesir. Malaysia berharap untuk memberi tumpuan kepada penyesuaian, kewangan iklim dan penyelesaian tempatan untuk menangani perubahan iklim. Walau bagaimanapun, Greenpeace berkata bahawa agenda iklim Malaysia kekal sebagai tampalan dasar yang tidak bersedia dan perundangan yang kelihatan seperti tergesa-gesa dan tertumpu hanya kepada penyesuaian dan bukannya pencegahan melalui langkah-langkah mitigasi.

Thing Siew Shuen, Pengurus Kanan Program Greenpeace Malaysia berkata:

“Agenda perubahan iklim kita berpecah-belah dan tadbir urus alam sekitar telah dibahagikan kepada kementerian yang berbeza. Kita memerlukan rangka kerja perundangan di bawah Akta Perubahan Iklim untuk seorang menteri menyatukan semua jabatan yang berkaitan untuk bertanggungjawab dalam melaksanakan Agenda Perubahan Iklim yang bersepada dan komprehensif yang akan merangkumi isu hijau (berkenaan biodiversiti seperti perhutanan) dan isu coklat (berkenaan kesihatan manusia seperti pencemaran udara) serta isu Perubahan Iklim, seperti hutan, air, pertanian, hakisan pantai, karbon cukai, dan tenaga boleh diperbaharui.

“Baru-baru ini, kerajaan telah mengeluarkan amaran banjir untuk enam negeri dan wilayah pada hujung minggu lepas termasuk Pulau Pinang, Selangor, Johor, Pahang, Kuala Lumpur dan Sarawak, yang merupakan kawasan berisiko banjir. Malaysia memerlukan penyelesaian berstruktur untuk menangani krisis banjir yang berulang. Orang ramai kini lebih terdedah, juga nyawa dan harta benda mereka terancam setiap tahun.”

“Dengan kesan krisis iklim yang semakin teruk, kami menuntut semua parti politik mengambil tindakan segera termasuk penggubalan Akta Perubahan Iklim, Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan atau Akta Udara Bersih, dan semakan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dimasukkan ke dalam manifesto pilihan raya mereka untuk menambah baik sistem tadbir urus alam sekitar semasa dan instrumen undang-undang yang memastikan kualiti udara dan air untuk menjamin kesihatan negara. Selepas tarikh pengundian pada 19 November, wakil rakyat kita mesti mengutamakan penggubalan dan pembangunan ketiga-tiga Akta ini untuk menjadikan Malaysia lebih selamat, hijau dan lebih berdaya tahan. Kami juga menggesa rakyat untuk mengundi wakil-wakil yang membuat komitmen terhadap perlindungan alam sekitar, dan terus bersama dengan Greenpeace dalam mendesak dan menuntut wakil rakyat yang telah dilantik supaya merealisasikan janji mereka untuk menjaga alam sekitar kita selepas pilihan raya.”

- Tamat -

Nota:

[1] Isu kebimbangan utama alam sekitar di Malaysia menurut Greenpeace:

- **Pencemaran udara dan jerebu:** Anggaran [32,000 kematian](#) yang berlaku di Malaysia setiap tahun disebabkan oleh pencemaran udara, dengan anggaran kos ekonomi tahunan sebanyak RM303 bilion — atau 20% daripada KDNK negara pada 2019.
- **Banjir:** Kira-kira [RM2.6 bilion kos kerosakan harta benda](#), 55 nyawa terkorban dan 125,000 orang terjejas akibat banjir pada Disember 2021 di Malaysia. Selain itu, keadaan dijangka bertambah buruk tahun, dengan beberapa negeri [telah pun terjejas pada 11 November 2022](#).
- **Penebangan hutan:** Menurut [Global Forest Watch](#), Malaysia kehilangan 8.39 juta hektar (Mha) litupan pokok di Malaysia dari tahun 2001 hingga 2020, bersamaan dengan penurunan 29% dalam litupan pokok sejak tahun 2000 dan 4.82 Gt pelepasan setara CO₂e.
- **Pencemaran air:** Anggaran kos RM10 juta pada tahun 2019 untuk operasi membersihkan [Sungai Kim Kim](#).

[2] [Penemuan Penyelidikan Greenpeace Malaysia](#) tentang kata kunci alam sekitar daripada senarai pernyataan rasmi Hansard parlimen Malaysia.